



Institut Tanah dan Ukur Negara  
Kementerian Air, Tanah & Sumber Asli

# Buletin Institut Tanah dan Ukur Negara Kementerian Air, Tanah & Sumber Asli Korban dan Aqiqah INSTUN 2018

BULANAN : EDISI OGOS  
2018

#### PENAUNG:

Puan Norehan binti Omar

#### PENASIHAT:

Puan Haslina binti Tan Sali

#### KETUA EDITOR:

Encik Abdul Rashid bin Omar

#### REKAAN & GRAFIK:

En. Mohd Shaheri b. Mohd Nazeri

#### SIDANG EDITORIAL:

UKP RND

UKP BUP

UKP BPPT

UKP BTM

PRO INSTUN

#### Dari Ketua Editor

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah  
dan Maha Pengasih.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur apa ke hadirat Allah  
S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia  
Nya kita bertemu lagi pada edisi buletin kali  
ini. Saya merakam jutaan terima kasih  
kepada sidang redaksi kerana memberi  
kejasama yang penuh dalam mengedah dan  
bersama-sama menerbitkan buletin Edisi  
Ogos kali ini.

Ketanan dalam Edisi Buletin kali ini  
memaparkan peranan yang lebih segar dan  
padat dengan pelbagai perkhidmatan yang  
berlaku sepanjang bulan Ogos 2018. Akhir  
kita harap agar semua pembaca  
mendapat insipak yang positif daripada  
setiap hasil kerja serta komitmen yang  
ditunjukkan oleh warga INSTUN dalam  
setiap amanah yang diberikan khususnya  
dalam bidang masing-masing.

Sekian, terima kasih.

En. Abdul Rashid bin Omar  
Ketua Biro Pengkaji Penyelidikan Tanah INSTUN

#### KATA-KATA HIKMAT

“Meratapi kegagalan  
adalah  
bukti kelemahan  
hati seorang manusia”

Dik. Pn. Roemaliza binti  
Mohd Razali  
Pengarah Sektor PD  
Majlis Perancangan Bandar dan Wilayah  
INSTUN



Institut Tanah dan Ukur Negara : Khamis - 23 Ogos 2018 bersamaan 11 Zulhijjah 1439H, Seksyen Hal Ehwal Islam, Institut Tanah dan Ukur Negara dengan kerjasama Jawatan kuasa Surau As-Sakinah telah berjaya melaksanakan program qurban dan aqiqah. Peserta yang menyertai program ini adalah seramai 28 orang iaitu 4 ekor lembu. Berdasarkan dalil ibadah qurban iaitu suatu ibadah yang di tuntut oleh agama Islam. Imam Syafie berpendapat hukum melakukan ibadah qurban ini adalah sunat Muakkadah iaitu sunah yang amat digalakkan atau dituntut ke atas setiap individu Muslim yang merdeka, berakal, baligh lagi rasyid serta berkemampuan melakukannya sama ada sedang mengerjakan haji ataupun tidak sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Kautsar ayat 2 : Maksudnya : "Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelillah korban sebagai bersyukur". Maka Seksyen Hal Ehwal Islam telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan tuntutan ini. Dengan cara, peserta membayar secara bulanan setiap bahagian qurban dan aqiqah yang disertai mereka.



Tahun ini juga Seksyen Hal Ehwal Islam memberi kesempatan kepada staf INSTUN yang ingin mencuba menyembelih lembu qurban dan aqiqah bagi mencari pengalaman menyembelih lembu. Penyembelihan ini adalah diketuai oleh Tuan Haji Hassan bin Ghafar dan juga Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Mohd Ridhzuwan bin Ahmad sebagai penyemak setiap sembelihan.

Sekalung ucapan terima kasih kepada semua kakitangan dan juga Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN yang hadir ke program dan yang telah bertungkus-lumus bagi menjayakan program aqiqah/qurban INSTUN tahun 2018 ini.

Menarik bulan ini  
Ceramah Umum  
Tanam Padi  
Tumbuhnya Lalang

ISSN 2600-853X



9 772600 853003

# Bahagian Pengurusan & Perundangan Tanah



## Kursus Asas Pengambilan Tanah Pelbagai Agensi - 7 hingga 9 Ogos 2018 - Bilik Kuliah C5, Blok Akademik C, INSTUN

Objektif kursus adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai aspek pengambilan tanah merangkumi topik-topik berikut:

- Intisari Akta Pengambilan Tanah 1960.
- Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a), (b) dan (c) sehingga Seksyen 10 APT 1960.
- Notis, Siasatan dan Perintah oleh Pentadbir Tanah.
- Bayaran Pampasan dan Bantahan Agensi.
- Ambil Milik, Caj Bayaran Lewat, Pampasan Tambahan dan Penyelesaian Hakmilik Sambungan.
- Permohonan Pemberimilikan dan Perizaban Tanah.
- MyeTapp (Modul PPT KJP).
- Penarikan Balik dan Implikasinya Kepada Agensi.

- Pembangunan Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok.
- Pengambilan dan Izin Lalu dalam Kawasan Penempatan Berkelompok.
- Penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok.
- Pengurusan Harta Pusaka bagi Kawasan Penempatan Berkelompok.
- Perspektif Pengurusan Tanah dan Amalan GSA oleh FELDA.



## Kursus Pengurusan Harta Pusaka Islam (Faraid) - 7 hingga 8 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Perundangan Tanah, INSTUN

Objektif kursus ini adalah bagi memberi pendedahan dan kefahaman mengenai kepentingan mempelajari ilmu faraid kepada masyarakat. Kandungan kursus ini merangkumi:

- Pengenalan Kepada Ilmu Faraid
- Perkara Asas Dalam Ilmu Faraid
- Syarat dan Halangan Pusaka
- Waris-Waris Yang Berhak dan Cara Mewarisi Harta
- Kaedah Pembahagian
- Pengiraan
- Latih Amal



## Kursus Pembangunan Tanah Jabatan Teknikal - 7 hingga 9 Ogos 2018 - Bilik Kuliah C5, Blok Akademik C, INSTUN

Objektif kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran mengenai Pembangunan Tanah di bawah Kanun Tanah Negara. Para peserta juga telah diberikan pendedahan mengenai tatacara dan proses pembangunan tanah menurut peruntukkan Kanun Tanah Negara. Selain itu juga, peserta kursus telah diberikan pendedahan berkaitan dengan keperluan perancangan menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa serta fungsi Unit Pemprosesan Setempat (OSC). Kursus ini menerima penyertaan yang baik dari peserta berdasarkan sesi soal jawab yang aktif antara tenaga pengajar dan peserta.



## Kursus Kawasan Penempatan Berkelompok Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 Bilangan 2 - 7 hingga 9 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, INSTUN

Objektif kursus adalah bagi memberi pendedahan dan kemahiran mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan kawasan penempatan berkelompok. Kandungan kursus adalah seperti berikut:

- Pengenalan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.
- Pemberimilikan dan Perizaban dalam Kawasan Penempatan Berkelompok.



# Bahagian Pengurusan & Perundangan Tanah

## Mesyuarat Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) Bilangan 4 Tahun 2018 - 3 Ogos 2018 (Jumaat) - Bilik Mesyuarat Mutiara, BPPT, INSTUN

Mesyuarat Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) diadakan pada setiap dua (2) bulan sekali. Antara objektif mesyuarat ini adalah untuk membentangkan pencapaian Rancangan Kerja Tahunan (RKT) BPPT, membentangkan laporan pelaksanaan aktiviti di peringkat seksyen-seksyen serta membincangkan isu-isu berbangkit di peringkat Bahagian. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Zaiteena binti Wan Nasir, Ketua Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah.



## Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Latihan (JPL) Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) Bilangan Tahun 2018 - 16 Ogos 2018 (Khamis) - Bilik Mesyuarat Mutiara, BPPT, INSTUN

Mesyuarat JPL BPPT yang dilaksanakan setiap sukuan tahun ini merupakan suatu platform bagi melaksanakan proses penambahbaikan berterusan (continuous improvement) terhadap pengurusan latihan Pentadbiran dan Perundangan Tanah di INSTUN.

Mesyuarat ini akan membincangkan Post Mortem serta maklum balas para peserta serta para tenaga pengajar bagi kursus-kursus yang telah dijalankan di INSTUN di bawah seliaan BPPT. Segala maklum balas akan dibincangkan dan dianalisa untuk penambahbaikan dan tindakan susulan yang dapat dilaksanakan bagi memastikan kualiti dan mutu kursus di INSTUN.



Laporan Post Mortem Kursus

No	Nama Peserta	Ujian	Perolehan	Perolehan
1	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
2	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
3	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
4	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
5	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
6	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
7	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
8	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
9	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%
10	Abdul Halim bin Mohd Ali	100%	100%	100%

## Workcamp Training For Trainers: Teach in Perundangan Tanah 2018 - 13 hingga 15 Ogos 2018 - Hotel Tenera, Bangi, Selangor

- Objektif workcamp ini adalah bagi:
- Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tenaga pengajar dalam BPPT berhubung evolusi sistem pentadbiran dan perundangan tanah pada masa kini;
  - Menjadi medium pembelajaran dan perbincangan bagi tenaga pengajar dalam BPPT untuk memahami isu-isu semasa perundangan tanah serta memahami akta-akta lain yang menyentuh pentadbiran dan perundangan tanah;
  - Menjalin hubungan baik di antara tenaga-tenaga pakar daripada pelbagai jabatan/agensi kerajaan dan lain-lain institusi bagi tujuan perkongsian ilmu dan maklumat; dan
  - Memantapkan pengetahuan tenaga pengajar dalam INSTUN bagi menyampaikan maklumat-maklumat terkini berasaskan fakta kepada peserta-peserta kursus di INSTUN.



Kandungan workcamp ini adalah seperti berikut:

- Perkongsian Cadangan Kajian Pembangunan Semula Skim Strata (Private Lease Scheme) oleh Puan Fauzidah binti Abdul Rahman, Senior Vice President (Legal);
- Isu Urusniaga dan Halangan Urusniaga di bawah KTN, Kuasa-kuasa Pendaftar dan Pentadbir Tanah oleh Encik Abdul Aziz bin Mohd Johdi, Setiausaha Bahagian Mineral dan Geosains, KATS;
- Isu-Isu Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik, Prosedur Notis dan Pelucutuhan oleh Tuan Haji Ab Aziz bin Ismail; dan
- Pengenalan Kepada Dokumen Hakmilik, Pembangunan Tanah, Perbincangan Soalan-Soalan Peserta Kursus Berkaitan Pengurusan dan Perundangan Tanah oleh Encik Mohd Yusaimi Bin Mat Yusof, Ketua Program Seksyen Perundangan Tanah, BPPT, INSTUN.



# Bahagian Teknologi Maklumat

## Kursus Microsoft Excel 2016 Step by Step - 31 Julai - 2 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan TM2

Kursus yang dihadiri seramai 24 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian / jabatan / agensi / badan berkanun / syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Objektif kursus ini Mempelajari konsep asas yang diperlukan untuk menghasilkan dokumen. Mampu untuk membina mengedit dan menambahkan dokumen menggunakan perisian Microsoft Office Excel 2016. Menimba pengetahuan asas



## Kursus Penetration Testing - 1 - 3 Ogos 2018 - Nexus Regency Suites & Hotel, Shah Alam

Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk:

1. Mendedahkan cara melakukan Ujian Penembusan dapat dilakukan secara teratur untuk memastikan lebih konsisten IT dan rangkaian pengurusan keselamatan; dan
2. Mendedahkan bagaimana ancaman baru ditemui yang timbul oleh kelemahan yang berpotensi diserang oleh penyerang.



## Kursus Database Administration Fundamentals - 7 - 10 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Tanah

Kursus yang dihadiri seramai 18 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dari JKPTG dan pelbagai jabatan. Objektif kursus ini adalah:

1. Pendedahan kepada Penambahbaikan sistem SELAMAT v6.0.
2. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan sistem bagi urusan pendaftaran hakmilik, urusniaga dan bukan urusniaga.
3. Memahami aliran proses kerja sistem SELAMAT sepenuhnya.
4. Meningkatkan pengetahuan dan penggunaan sistem SELAMAT dengan menggunakan teknologi Boimetric.
5. Memastikan instalasi dan pemasangan peralatan dan aplikasi SELAMAT di fahami dengan sepenuhnya termasuk aliran proses kerja



## Kursus Pengurusan Rangkaian: Asas IPv6 Next Generation - 8 - 10 Ogos 2018 - Heritage Hotel, Ipoh

Objektif kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan serta perbandingan di antara IPv4 dan IPv6. Kursus ini juga dapat meningkatkan pengetahuan teori dan praktikal asas mengenai persekitaran rangkaian IPv6 dan memberi kemahiran asas bagi implementasi rangkaian IPv6.



## Kursus Penetration Testing And Ethical Hacking Profesional Bilangan 2 - 14 - 17 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan TM2, INSTUN

Kursus yang dihadiri seramai 33 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian / jabatan / agensi. Objektif kursus ini adalah bertujuan untuk mempelajari konsep asas yang diperlukan untuk mendedahkan cara melakukan Ujian Penembusan dapat dilakukan secara teratur untuk memastikan lebih konsisten IT dan rangkaian pengurusan keselamatan dan juga mendedahkan bagaimana ancaman baru ditemui yang timbul oleh kelemahan yang berpotensi diserang oleh penyerang. Metodologi yang digunakan dalam kursus ini adalah syarahan, perbincangan, latihan, eLearning dan projek berkumpulan.



## Kursus Penghasilan Montaj Menggunakan Microsoft Powerpoint 2016 Bil.2 - 14 - 17 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Multimedia, INSTUN

Kursus yang dihadiri seramai 31 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan kakitangan daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di Malaysia. Objektif kursus ini bertujuan untuk Memberi pengetahuan dan kemahiran penggunaan Microsoft PowerPoint dalam menghasilkan montaj. Metodologi yang digunakan dalam kursus ini adalah syarahan, perbincangan, latihan dan eLearning.

Di akhir kursus, peserta telah membuat perbentangan projek berkumpulan berkaitan teknik-teknik penghasilan montaj menggunakan Microsoft Powerpoint 2016 yang telah dipelajari sepanjang tempoh berkursus. Hasil perbentangan projek adalah sangat menarik dan kreatif.



## Kursus Audit Dalam ISO/IEC 27001:2013 - 29 - 30 Ogos 2018 - Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Putrajaya

Objektif penganjuran kursus ini adalah untuk:

1. Melahirkan lebih ramai juruaudit yang lebih cekap, berkeyakinan tinggi dan berwibawa dalam menjalankan proses pengauditan ISMS;
2. Mengurangkan pengantungan kepada sumber luar dan audit dalaman ISMS di kementerian dan jabatan pada setiap tahun boleh dilaksanakan secara dalaman dengan menggunakan khidmat kepakaran pegawai yang terlatih; dan

Memastikan subject matter expert (SME) di kalangan pegawai yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa menerusi International Register of Certified Auditor (IRCA) dalam ISO/IEC 27001 ISMS Auditor/ Lead Auditor mendapat pengetahuan yang secukupnya selaras dengan transisi ke ISO/IEC 27001:2013 di samping meningkatkan kredibiliti pegawai.



# Bahagian Ukur & Pemetaan



## UP11/18 Kursus Perisian ArcGIS - Lanjutan - 31 Julai - 2 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Pemetaan, BUP, INSTUN

Program ini merupakan salah satu program latihan Bahagian Ukur dan Pemetaan yang dirancang bagi tahun 2018. Objektif program ialah memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai penggunaan perisian ArcGIS



## UG11/18 Kursus Cerapan dan Pemrosesan Data *Global Navigation Satellite System (GNSS)* - 31 Julai - 2 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik, BUP, INSTUN

Program ini merupakan salah satu program latihan Bahagian Ukur dan Pemetaan yang dirancang bagi tahun 2018. Objektif program ialah memberi pengetahuan dan kefahaman secara teori dan praktikal tentang aplikasi GNSS bagi tujuan kerja di lapangan.



## UK11/18 Kursus Pemetaan Utiliti Bagi Negeri Zon Timur - 31 Julai- 2 Ogos 2018 - JUPEM Terengganu

Program ini merupakan salah satu program latihan Bahagian Ukur dan Pemetaan yang dirancang bagi tahun 2018. Objektif program ialah memberi kefahaman secara teori mengenai prinsip asas pemetaan utiliti, pendedahan berkaitan kadaster serta kaedah pengukuran di lapangan dan pemrosesan data serta penghasilan peta utiliti.



## UP08/18 Kursus Aplikasi *Handheld GPS* Dalam Pemetaan - 7-10 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Pemetaan, BUP, INSTUN

Program ini merupakan salah satu program latihan Bahagian Ukur dan Pemetaan yang dirancang bagi tahun 2018. Objektif program ialah memberi pendedahan dan kemahiran mengenai penggunaan *handheld* GPS dalam kerja pemetaan.

## UG12/18 Kursus Pengukuran Hidrografi - Lanjutan - 14-17 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik, BUP, INSTUN & Lumut, Perak

Program ini merupakan salah satu program Bahagian Ukur dan Pemetaan yang dirancang bagi tahun 2018. Objektif program ialah memberi pendedahan secara teori dan praktikal terutama yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pengukuran hidrografi.



## UK12/18 Kursus Aplikasi Perisian CAD 3D - Asas - 14-17 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, BUP, INSTUN

Program ini merupakan salah satu program latihan Bahagian Ukur dan Pemetaan yang dirancang bagi tahun 2018. Objektif program ialah memberi kefahaman dan pengetahuan tatacara penggunaan perisian CAD secara 3D.



# Bahagian Ukur & Pemetaan



## UP17/18 Kursus Aplikasi Handheld GPS Dalam Pemetaan - 14-16 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, BUP, INSTUN

Program ini merupakan salah satu program latihan tambahan yang dilaksanakan Bahagian Ukur dan Pemetaan bagi menggantikan kursus yang dirancang bagi tahun 2018 yang tidak dapat dijalankan berikutan kekurangan permintaan peserta kursus. Objektif program ialah memberi pendedahan dan kemahiran mengenai penggunaan handheld GPS dalam kerja pemetaan.



## Kursus Pengawasan Bangunan – 27-29 Ogos 2018 - Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Teknologi JRK (CREaTE), Alor Gajah, Melaka

Merupakan program latihan yang dilaksanakan oleh Bahagian Ukur dan Pemetaan bagi kapasiti kursus atas jemputan agensi/ jabatan luar secara NBOS. Agensi yang telah membuat jemputan ialah Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Kuala Lumpur.



Bagi kursus ini tenaga pengajar BUP yang terlibat diketuai Sr Rabiulkhair b. Mohd Nor dan Seksyen Geodetik. Dalam program ini, secara keseluruhannya peserta diberi latihan kemahiran pengendalian dan penggunaan peralatan ukur aras di lapangan.



Pameran Aspirasi Perpaduan Perdana Sempena Bulan Kemerdekaan 2018 - 15 Ogos hingga 31 Ogos 2018 - Perpustakaan INSTUN


Pameran Aspirasi Perpaduan Perdana Sempena Bulan Kemerdekaan 2018 telah di adakan bermula 15 Ogos hingga 31 Ogos di Perpustakaan INSTUN. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan pengetahuan warga INSTUN mengenai erti kemerdekaan selain turut menyemai rasa kecintaan kepada negara, menyuburkan semangat patriotisme dan menghayati tema "Sayangi Malaysiaku". Melalui penganjuran program ini, ia dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan warga INSTUN khususnya dan kepada peserta-peserta kursus amnya. Pameran ini telah dimeriahkan dengan kehadiran lawatan oleh YB Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sempena Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang dan kehadiran peserta Program Management Retreat Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) Bilangan 1 Tahun 2018.



YB Menteri KATS meninjau Pameran Aspirasi Perpaduan Perdana



YB Menteri KATS membaca sejarah negara @ Pameran Aspirasi Perpaduan Perdana



Poster Pameran



Bergambar kenangan Bersama YB Menteri



# Pentadbiran dan Kewangan

## Kursus UM03/18 Tanam Padi Tumbuhnya Lalang - 8 - 10 Ogos 2018 - INSTUN

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan telah menganjurkan Kursus UM03/18 bertajuk Tanam Padi Tumbuhnya Lalang pada 8 – 10 Ogos 2018 bertempat di Bilik Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik. Kursus ini terbuka kepada semua penjawat awam dan dihadiri oleh 27 orang peserta pelbagai grad dan jabatan. Objektif kursus ini adalah untuk mengenal pasti elemen –elemen yang meruntuhkan organisasi dan cara penyelesaiannya. Kursus telah dikendalikan oleh penceramah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Pensyarah Kanan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Pegawai Unit Integriti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta penceramah INSTUN sendiri. Perjalanan kursus ini mendapat komitmen dan respon yang positif daripada peserta.



## Ceramah Umum UM03/18 Tanam Padi Tumbuhnya Lalang - 10 Ogos 2018 - INSTUN

Ceramah Umum UM03/18 Tanam Padi Tumbuhnya Lalang telah diadakan pada 10 Ogos 2018 mulai 8.30 – 10.30 pagi di Dewan Kuliah Utama, Blok Akademik C, INSTUN. Ceramah ini disampaikan oleh Ustaz Nik Mohd Sukiman bin Nik Yusof, Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya. Ceramah ini dihadiri oleh peserta –peserta Kursus Umum INSTUN siri 3/2018 serta kakitangan-kakitangan INSTUN sendiri. Objektif slot ini adalah untuk membantu peserta merenung dan bermuhasabah dalam memajukan diri dan meningkatkan prestasi dalam usaha memangkin kejayaan organisasi bukan menjadi punca kerosakan organisasi. Diharapkan, ceramah ini dapat meningkatkan kesedaran dan komitmen kakitangan INSTUN dalam melaksanakan tugas dengan amanah dan berintegriti.



**Ceramah Umum UM03/18**  
**Tanam Padi**  
**Tumbuhnya Lalang**

10 Ogos 2018 (JUMAAT)  
8:30 PAGI - 10:30 PAGI  
DEWAN KULIAH UTAMA, BLOK AKADEMIK C, INSTUN

DISAMPRAIKAN OLEH  
USTAZ NIK MOHD SUKIMAN BIN NIK YUSOF  
(SPRM/PUTRAJAYA)

**KEHADIRAN DIWAJIBKAN**

